

12/12/2003

Langkawi masih perlukan Dr Mahathir

LANGKAWI: Nasihat dan bimbingan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, masih diperlukan bagi memastikan pembangunan pulau pelancongan ini yang sinonim dengan namanya, terus ada kesinambungan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Anwar Abdul Rahman, sehubungan itu menyifatkan pelantikan Dr Mahathir sebagai penasihat Lada baru-baru ini sebagai tepat dan kena pada masanya.

"Tun (Dr Mahathir) begitu prihatin mengenai pembangunan Langkawi dan saya percaya masih banyak lagi idea Tun yang belum sempat dilaksanakan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

"Jadi sebagai penasihat, kita akan dapat melihat ada kesinambungan program atau wawasan Tun untuk Langkawi. Sebagai jurucakap Lada, saya mengalu-alukan pelantikan Tun," katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) Bandaraya Pelancongan di sini, semalam.

Anwar buat pertama kali mengulas pelantikan Dr Mahathir sebagai penasihat Lada selepas bekas Perdana Menteri sendiri mengesahkan dilantik sebagai penasihat Lada dan Lembaga Pembangunan Tioman selepas menghadiri jamuan makan malam di kediaman Duta Malaysia ke Itali, Datuk Lily Zachariah di Rome, pada 28 November lalu.

Dr Mahathir ketika itu turut mengesahkan yang beliau telah menerima tawaran Petronas untuk menjadi penasihat syarikat minyak itu.

Ketika memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir telah memberikan perhatian khusus ke atas pembangunan Langkawi selepas diisytihar pulau bebas cukai pada 1987.

Anwar berkata, beliau ada menerima salinan surat pelantikan Dr Mahathir sebagai penasihat Lada itu yang ditandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, pengerusi bersama Lada ketika ini dipegang Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Abdullah yang turut memegang jawatan Menteri Kewangan.

"Kita tahu Abdullah ketika ini juga adalah Menteri Kewangan. Jadi, mengikut Perlembagaan Lada, pengerusi bersama ialah Menteri Besar Kedah dan Menteri Kewangan yang dilantik oleh Perdana Menteri.

"Jadi, saya sudah menghubungi Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa Lada sedia dipanggil pada bila-bila masa untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai pembangunan Langkawi," katanya.

Anwar berkata, Abdullah sendiri ada bercakap dengannya dan memaklumkan yang beliau akan dipanggil untuk mengatur program lawatan dan mesyuarat lembaga Lada.

Sehingga waktu itu, katanya, Abdullah sudah melantik Dr Mahathir sebagai penasihat Lada dan mengarahkan segala projek yang telah dipersetujui diteruskan pelaksanaannya.

"Jadi, saya kira belum terlambat untuk Abdullah datang ke Langkawi kerana belum semua negeri beliau sempat lawat (selepas dilantik Perdana Menteri 31 Oktober lalu)," katanya.

Mengenai projek pembangunan di Pantai Kok yang kini giat dimajukan dan sering mendapat perhatian Dr Mahathir dalam lawatannya ke Langkawi sebelum ini, Anwar berkata, Lada akan melantik sebuah syarikat pengurusan bagi menguruskan kemasukan kapal ke pelabuhan di situ.